

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	14 FEB 2015

Nik Abdul Aziz selamat dikebumi

um-14/2/2015

Oleh AZRAN FITRI RAHIM,
MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB,
ZAAIN ZIN, YATIMIN ABDULLAH
dan ROSMIZAN RESDI
utusankelantan@utusan.com.my

■ KOTA BHARU 13 FEB.

SUASANA suram menyelubungi upacara pengebumian Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Nik Mat dengan puluhan ribu rakyat dan pemimpin utama negara hadir di Tanah Perkuburan Islam Pulau Melaka di sini hari ini.

Jenazah bekas Menteri Besar yang menerajui Kelantan selama 23 tahun itu disemadikan bersebelahan pusara ayahnya, Allahyarham Nik Mat Raja Banjar kira-kira pukul 10.55 pagi.

Suasana bertambah pilu sejeurus selepas alunan svirah al-Fatihah dan bacaan doa yang diketuai Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang sehingga menyebabkan ahli keluarga terdekat serta puluhan ribu yang hadir pada upacara pengebumian itu mengalirkan air mata.

Keadaan juga sedikit kecoh saat jenazah sedang disemadikan apabila orang ramai mula merempuh kawalan keselamatan untuk melihat pemimpin kesayangan mereka itu buat kali terakhir.

Terdahulu, jenazah disembahyangkan dan diimamkan oleh Abdul Hadi di Masjid Tok Guru bersebelahan kediamannya di Pulau Melaka.

Yang turut hadir memberi penghormatan terakhir kepada Allahyarham ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed; Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor; Menteri Besar, Datuk Ahmad Yaakob; Timbalan Presiden Pas, Mohamad Sabu; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom; Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir dan Menteri Besar Selangor, Mohamed Azmin Ali.

Yang hadir sama, Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah dan kepimpinan tertinggi pakatan pembangkang serta pemimpin-pemimpin UMNO.

Sebelum itu, Perdana Menteri bersama-sama Mustapa, Tengku Razaleigh dan Tengku Adnan yang tiba lara-kira pukul 9.45 pagi di pekarangan Masjid Tok Guru tanpa sebarang protokol terpaksa bejalan kaki lebih 200 meter menempuh kesesakan yang teruk apabila puluhan ribu memenuhi pekarangan masjid tersebut.

Najib bersama-sama rombongannya turut bersama-sama menunaikan solat jenazah.

Sementara itu, orang ramai yang hadir turut melaungkan takbir semasa mengiringi jenazah Allahyarham yang diusung dari masjid tersebut ke tanah perkuburan sejauh 500 meter.

Pemergian Allahyarham juga dirasakan seluruh rakyat negeri itu apabila sejak malam tadi mereka mula memenuhi kediamannya dan setia menunggu untuk melihat pusaranya selepas majlis pengebumicin selesai.

Kira-kira pukul 9.40 malam tadi, negara kehilangan seorang tokoh politik dan ulama yang berpengaruh apabila Nik Abdul Aziz meninggal dunia di rumahnya di Pulau Melaka di sini.

Bekas Menteri Besar yang disahkan menghidap kanser prostat tahap empat sejak beberapa tahun lalu itu telah dibawa pulang ke rumahnya sejam sebelum itu selepas dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) sejak 20 Januari lalu.

Allahyarham yang lebih dikenali dengan panggilan Tok Guru meninggalkan seorangbalu, Datin Tuan Sabariah Tuan Ishak serta 10 orang anak termasuk salah seorangnya yang merupakan Ahli Parlimen Pasir Mas, Nik Mohamad Abduh.



JENAZAH Allahyarham Nik Abdul Aziz Nik Mat dibawa masuk ke liang lahad di Tanah Perkuburan Islam Pulau Melaka, Kota Bharu, semalam. - UTUSAN/JAZALY AMRY JAAFAR